

Terma & Syarat

Zinnia2u.com – Kemas kini terakhir: 30 Apr 2026

Pesanan & Penghantaran

- Masa Penutupan Pesanan (Order Cut-Off Time): Pesanan yang dibuat dan disahkan sebelum 10:00 pagi (GMT+8) pada hari bekerja akan diproses pada hari yang sama. Pesanan yang dibuat selepas masa penutupan, atau pada hari Sabtu, Ahad, atau cuti umum, akan diproses pada hari bekerja berikutnya.
- Pemprosesan Pesanan: Pesanan akan diproses selepas pembayaran disahkan, biasanya dalam tempoh 3–7 hari bekerja, dan sehingga 14 hari bekerja untuk penghantaran antarabangsa. Sila ambil perhatian bahawa tempoh masa ini hanyalah anggaran dan tidak dijamin oleh Zinnia. Jika berlaku kelewatan penghantaran atau produk Zinnia kehabisan stok, pasukan kami akan menghubungi anda.
**Penghantaran mungkin mengambil masa lebih lama semasa tempoh jualan atau musim cuti.
- Imej Produk: Imej produk yang dipaparkan di laman web ZINNIA atau ZINNIA E-Store adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Produk sebenar mungkin berbeza daripada imej yang ditunjukkan.
- Liputan Penghantaran: ZINNIA berhak menolak mana-mana pesanan jika lokasi penghantaran tidak diliputi oleh syarikat kurier yang dilantik.
- Caj Penghantaran: Caj penghantaran ditanggung oleh pelanggan dan akan dipaparkan semasa proses pembayaran.
- Asal Penghantaran: Semua penghantaran pada masa ini dibuat dari Selangor, Malaysia.
- Dasar Alamat: Perubahan alamat penghantaran tidak akan diterima selepas pesanan disahkan. Pesanan hanya akan dihantar ke alamat yang sah (tidak ke P.O. Box).
- Kegagalan Penghantaran: Jika tiada sesiapa di alamat penghantaran untuk menerima bungkusan, pelanggan bertanggungjawab untuk menghubungi pihak kurier dan mengatur tarikh penghantaran baharu. Sila ambil perhatian bahawa sebarang caj penghantaran tambahan untuk penghantaran semula atau pemulangan akan ditanggung oleh pembeli. *Anda boleh menghubungi syarikat kurier menggunakan nombor penjejukan (tracking number) yang diberikan.*
- Status Pesanan: Setelah pesanan disahkan, anda boleh menyemak status selepas 1 hari bekerja dengan log masuk ke Zinnia, atau hubungi kami melalui WhatsApp di +6013-393-9153 atau emel ke admin@Zinnia2u.com.

Kos Penghantaran

Penghantaran Domestik Malaysia:

- Penghantaran percuma untuk pesanan RM150 dan ke atas di Malaysia.
- Untuk pesanan di bawah jumlah tersebut:
 - Semenanjung Malaysia (wm) – RM10
 - Malaysia Timur (em) – RM15

Caj penghantaran akan dikira dan dipaparkan semasa pembayaran.

Penghantaran Antarabangsa

- Kami membuat penghantaran antarabangsa ke Singapura, Brunei, Indonesia, Filipina, Thailand, dan Myanmar.
- Caj penghantaran antarabangsa akan dipaparkan semasa pembayaran.
- Untuk negara lain yang tidak disenaraikan, sila hubungi kami di admin@Zinnia2u.com atau WhatsApp +6013-393-9153.

****Notis Penting:** Duti import dan cukai mungkin dikenakan bergantung pada peraturan negara pembeli. Caj ini tidak termasuk dalam harga produk dan akan menjadi tanggungjawab pembeli. Jika pembeli enggan membayar duti import dan cukai tersebut, bungkusan mungkin ditahan atau dilupuskan oleh pihak kastam, dan Zinnia tidak akan bertanggungjawab.

Kaedah Pembayaran Luar Talian

- Zinnia Global Sdn Bhd ~ MAYBANK Acc No. 5144 8610 9472
- Zinnia Global Sdn Bhd ~ PUBLIC BANK Acc No. 3151 793 126
- Touch'nGO eWallet : Zinnia Global Sdn Bhd



- Paypal Acc : Zinniaglobal@yahoo.com



Bagi pembayaran luar talian, sila hantarkan slip pembayaran beserta ID pesanan ke admin@Zinnia2u.com atau WhatsApp kami di +6013-393-9153 untuk pengesahan.

Pindaan Terma

Zinnia berhak untuk meminda Terma ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Sila semak halaman ini dari semasa ke semasa untuk memastikan anda mengetahui sebarang perubahan. Penggunaan berterusan laman web ini akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap sebarang pindaan tersebut.

Hubungi Kami

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila emel ke info@Zinnia2u.com atau hubungi kami di +603-7954-8588.